



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***ANALISIS WACANA TERHADAP UCAPAN KEPIMPINAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI***

**RADIMAN HJ. JUNAIDI**

**FBMK 2012 15**

# **ANALISIS WACANA TERHADAP UCAPAN KEPIMPINAN ABDULLAH AHMAD BADAWI**



**Tesis dikemukakan ke Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putera Malaysia,  
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2012**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**ANALISIS WACANA TERHADAP UCAPAN KEPIMPINAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI**

Oleh

**RADIMAN HJ. JUNAIDI**

**Januari 2012**

**Pengerusi : Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Wacana sering dilihat sebagai kesatuan bahasa yang lengkap dan menepati hierarki yang teratas dari aspek linguistik. Namun demikian, wacana dalam aspek sains sosial memperlihatkan fungsi wacana dalam masyarakat kurang diberi perhatian. Malah kajian terhadap wacana lebih tertumpu kepada teori dan huraihan tentang sistem bahasa sahaja. Dalam hal ini, wacana sebenarnya berperanan untuk merungkaikan persoalan-persoalan sosial, malah wacana juga berupaya membina sosiobudaya dalam sesuatu masyarakat. Berdasarkan fenomena tersebut, analisis wacana kritis digembeleng untuk menginterpretasikan dan menjelaskan proses sosial yang terselindung di sebalik wacana ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung UMNO.

Analisis teks ini dijalankan secara kajian kualitatif dan kuantitatif. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan kerangka teori analisis wacana kritis Fairclough (1992, 1995a dan 2003) yang mengandungi tiga dimensi iaitu analisis textual, amalan wacana dan proses sosial. Sebanyak lima teks ucapan Abdullah Ahmad Badawi dijadikan sumber kajian. Teks ucapan dianalisis oleh pengkaji untuk meneroka ciri-ciri linguistik dan organisasi yang hadir dalam teks serta menjelaskan hubungan di antara wacana dengan proses sosial yang menjurus kepada ideologi dan praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi.

Dapatan kajian mendapati bahawa wacana ucapan mempunyai ciri-ciri linguistik, ciri-ciri textual dan ciri-ciri sosial. Menerusi aspek intertekstualiti, dapatan kajian mendapati wujud interaksi teks dengan teks-teks yang terdahulu yang memperlihatkan keintelektualan dan gaya bahasa yang berkualiti oleh pewacana. Pada masa yang sama, kajian ini juga telah memperlihatkan kewujudan penyilangan dan kolaborasi beberapa wacana serta dapat menyerlahkan hubungan dialektikal di antara wacana dengan masyarakat. Pemanfaatan terhadap pelbagai wacana telah dapat mencerminkan emosi, matlamat dan pemikiran pewacana. Dapatan kajian juga mendapati bahawa rujukan kata ganti nama diri ‘kita’ menjadi pilihan yang utama pewacana dan memperlihatkan sifat inklusif yang mewujudkan perasaan kebersamaan antara pewacana dengan khalayaknya.

Di samping itu, pewacana juga mewujudkan konsep pembinaan dan kesenian menerusi aspek metafora. Pewacana mengajak khalayaknya berfikir dalam

konsep budaya dan bahasa melalui gagasan yang berorientasikan keindahan dan kehalusan budaya Melayu. Selain itu, melalui kata alternatif, kajian wacana ini mendapatkan bahawa pewacana mewujudkan konsep pembasmian seperti membasi kemiskinan dan menghapuskan rasuah serta konsep demokrasi telah menyerlahkan makna kuasa rakyat, toleransi dan kebebasan bersuara. Pemanfaatan terhadap pelbagai wacana dalam ucapan kepimpinan telah menunjukkan praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi adalah bersifat toleransi dan telus. Akhir sekali, kajian mendapatkan bahawa ideologi kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi berorientasikan Islam, berdasarkan gagasan idea, praktis kepimpinan dan pengaplikasian terhadap kosa teks Islam.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**ANALISIS WACANA TERHADAP UCAPAN KEPIMPINAN  
ABDULLAH AHMAD BADAWI**

By

**RADIMAN HJ. JUNAIDI**

**Januari 2012**

Chair : Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Faculty : Modern Language and Communication

Discourse is often viewed as a unification of language that is complete and conformed in the top hierarchy of linguistics. However, discourse in the social sciences to demonstrate the functions of discourse in society are given less attention. In fact, most study of discourse focuses on theory and description of the language system only. In fact discourse can actually play a role to unlock social questions and build a socio-cultural discourse in the community. Based on these phenomena, a critical discourse analysis was mobilized to interpret and explain social processes that lie behind the discourse of the leadership of Abdullah Ahmad Badawi's speech at the UMNO General Assembly.

This study is a qualitative and quantitative research adopting a descriptive analysis in interpreting and explaining social problems in the data

assessment. This study is based on a theoretical framework of critical discourse analysis of Fairclough's (1992, 1995a and 2003) that has led to the formation of three dimensions which include textual analysis, discourse practices and social processes. Studies were done by interpreting the relationship between the discursive process with text through the discourse production process that involves aspects of discourse in intertextuality and interdiscursivity. In addition, the study explores the linguistic features and organization present in the text and clarifies the relationship between discourse with the social processes that lead to the ideological and practical leadership of Abdullah Ahmad Badawi.

The study found that the discourse includes the linguistic, textual features and social characteristics. From the research findings, through aspect of intertextuality it was found that there are interaction of texts with earlier texts, which show intellectualism in quality and style of the discourser. At the same time, this study has also shown the existence of interceptive and collaborative discourse and presence of some dialectical relationships between discourse and the community. The utilization of a variety of discourse has enabled in reflecting the emotional, objective and thought of the discourser. The study has also found that self-reference pronoun "we" is the major choice of the discourser and demonstrated an inclusive feeling of togetherness between the discourser and the community.

In addition, the discourser also creates the concept of construction and artistic through metaphor. Discourser invites audiences to think in concepts of

language and culture through the idea of beauty and refinement-oriented Malay culture. In addition, by finding an alternative word, this discourse analysis study has found that the discourser forms concept such as poverty eradication, elimination of corruption and democracy has highlighted the meaning of power of the people, tolerance and freedom of speech. Utilization of the various discourses in his leadership speeches has shown that the leadership practice of Abdullah Ahmad Badawi is that of tolerance and transparency. Finally, the study has found that the ideological leadership of Abdullah Ahmad Badawi is Islamic-oriented based on the collection of ideas, practical leadership and application of the vocabulary of Islamic texts.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang Salawat dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya dapat menyempurnakan tesis ini sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Kedoktoran (PhD) daripada UPM. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada yang dihormati Prof Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah selaku penggerusi penyeliaan, Prof Madya Dr. Normahdiah Sheikh Said dan Dr. Nor Azuwan Yaakob selaku penyelia bersama yang telah membimbing dan memberi tunjuk ajar untuk menyiapkan tesis ini. Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ini saya tujukan kepada isteri yang tersayang Haja Binti Hj Gapar dan ibuku Niah Bt. Siu serta anak-anakku Muhd. Danial, Dhia Qistina dan Muhd Danny yang sentiasa memberikan semangat dan sokongan kepada untuk meneruskan pengajian sehingga berjaya. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan di SKWM 1 atas dorongan dan pembakar semangat untuk mencapai kejayaan ini. Sesungguhnya kalian adalah inspirasi kejayaan saya. Semoga Allah S.W.T yang membalas segala jasa baik kalian. Wassalam.

---

Radiman Hj. Junaidi  
GS 23701

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 27 Januari 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Radiman Hj. Junaidi bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Analisis Wacana Kritis Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

**Mohd Zariat b. Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya

Jabatan Bahasa Melayu

Falkuti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Ahmad Mahmood b. Munasif, PhD**

Profesor Madya

Jabatan Bahasa Melayu

Falkuti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Mohd Sharifudin Yusop, PhD**

Jabatan Bahasa Melayu

Falkuti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Idris Aman, PhD**

Profesor ,

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik

Falkuti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

---

SEOW HENG FONG, PhD  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH, PhD**

Profesor Madya  
Falkuti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi )

**NORMAHDIAH SHEIK SAID, PhD**

Profesor Madya,  
Falkuti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

**NOR AZUAWAN YAAKOB, PhD**

Pensyarah,  
Falkuti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

---


**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



## JADUAL KANDUNGAN

	MUKA SURAT
<b>ABSTRAK</b>	II
<b>ABSTRACT</b>	V
<b>PENGHARGAAN</b>	VIII
<b>PENGESAHAN</b>	IX
<b>PERAKUAN</b>	XI
<b>SENARAI RAJAH</b>	XVI
<b>SENARAI JADUAL</b>	XVII
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	XVIII
 <b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	1
Latar Belakang	14
Pernyataan Masalah	19
Kepentingan Kajian	23
Objektif Kajian	25
Persoalan Kajian	26
Skop Kajian	26
Definisi Operasional	28
Wacana	28
Teks	29
Analisis Wacana Kritis	31
Kesimpulan	32
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	34
Perkembangan Analisis Wacana Kritis	35
Kajian Analisis Wacana Kritis	
Kajian Wacana Ucapan Dr. Mahathir Mohamad.	37

Kajian Wacana Kritis Perutusan Perdana Menteri Ke-4.	38
Kajian Wacana dalam Pengiklanan Jawatan Kosong .	40
Kajian Wacana Kepimpinan Rasulullah S.A.W .	42
Kajian Terhadap Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi.	
Kajian Konservatisme dalam Politik UMNO.	44
Kajian Idea “Keterbukaan” Di Era Pemerintahan	45
Perdana Menteri Kelima.	
Kajian Abdullah Ahmad Badawi : Perspektif	46
Governans dan Gender.	
Kajian Meneroka Elemen Psikologikal Abdullah Ahmad	47
Badawi .	
Kajian Abdullah Ahmad Badawi : Praktis Gaya	48
Kepimpinan Seorang Perdana Menteri.	
Kajian Menjejaki Masa Depan Negara Melampaui	49
Wawasan 2020.	
Kesimpulan	51
<b>III           METODOLOGI KAJIAN</b>	
Pengenalan	53
Reka Bentuk Kajian	53
Konsep Dan Kerangka Teori	54
Prinsip-prinsip Analisis Wacana Kritis	54
Kerangka Teori Analisis Wacana Kritis	57
Analisis Tekstual	63
Analisis Amalan Wacana	66
Analisis Proses Sosial	72
Pendekatan Kajian	77
Tata Cara Kajian	78
Kaedah Kajian	78
Bahan Kajian	78
Penganalisaan Data	79
Kesimpulan	83
Kerangka Kajian	85

<b>VI</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pengenalan	86
	Menganalisis Aspek Intertekstualiti Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi	87
	Kesimpulan	118
	Menganalisis Aspek interdiskursiviti dalam Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi	120
	Kesimpulan	157
	Menghuraikan Penggunaan leksikal iaitu Metafora, Kata Alternatif dan Kohesi iaitu Rujukan Kata Ganti Nama Diri dalam Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi	159
	Kesimpulan	200
	Menjelaskan Praktis Kepimpinan dan Ideologi dalam Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi.	201
	Kesimpulan	224
	Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	225
	Implikasi Dapatan Kajian	227
<b>V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
	Pengenalan	230
	Rumusan	230
	Cadangan Kajian	240
	Penutup	241
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	243
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Lampiran A	259
	Lampiran B	262
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	332